



Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam

FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan  
( Kertas Soalan Peperiksaan Kali Kedua)

Kod Kursus : SC 0309

Nama Kursus : **Undang-Undang Prosedur di Mahkamah Syariah**

Peringkat Kursus : Sijil

Masa : 3 Jam

**Perhatian :**

**Sila Jawab 5 soalan dari 7 soalan yang diberikan di bawah ini. Soalan Pertama adalah soalan mandatori.**

**SOALAN PERTAMA :**

Sila sebutkan bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 berserta bab yang menyebutkan bidangkuasa tersebut.

( 12 markah)

**SOALAN KEDUA :**

Di dalam Bab 69 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 menyatakan, tanggungjawab Pendakwa Syar'ie dalam membentuk atau merangka pertuduhan dengan mengandungi butir-butir yang mencukupi tentang kesalahan tertuduh. Dalam keadaan apakah yang boleh menyebabkan pertuduhan boleh dipinda dan dibetulkan?

( 7 markah)

**SOALAN KETIGA :**

Apakah hukuman maksimum yang boleh dikenakan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan bagi kes-kes jenayah yang lain dan kes-kes kesalahan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam di Mahkamah Rendah Syariah?

( 7 markah)

**SOALAN KEEMPAT :**

Sesuatu kesalahan atau kecacatan yang berkaitan dengan prosedur di dalam sistem kehakiman Islam tidak boleh dijadikan alasan menolak dakwaan atau melambat-lambatkan proses perbicaraan. Dalam prosiding pra-bicara, sila jelaskan apakah yang patut dibuat oleh seorang Hakim jika dasar terhadap pendakwaan itu tidak mengikut peraturan?

( 7 markah)

### SOALAN KELIMA :

Bab 64 (3) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 menyatakan, jika tertuduh gagal menghadirkan diri ke Mahkamah Syariah setelah saman disampaikan kepadanya, atau jika kesalahan yang dilakukan adalah suatu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman penjara, maka apakah tindakan yang boleh diambil oleh Mahkamah agar prosiding pra-perbincaraan dapat dilaksanakan?

( 7 markah)

### SOALAN KEENAM :

Terdapat tiga prosedur yang terdapat dalam undang-undang prosedur Mahkamah. Sebutkan prosedur-prosedur tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil jika keputusan dan hukuman Mahkamah tidak dipatuhi dan sila sebutkan di bawah prosiding apakah tindakan tersebut?

( 7 markah)

### SOALAN KETUJUH :

*Salwadi dan Hariyati lawan Timbalan Pendakwa Syarie*. Bil kes : MRHS/BM/JEN8&9/2015

Di dalam kes ini, kedua-dua tertuduh telah mengaku di hadapan Penguatkuasa Ugama melakukan persetubuhan haram pada sekitar tahun 2006. Kes telah didengarkan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Walau bagaimanapun Mahkamah telah menolak kes ini dengan alasan kejadian berlaku terlalu lama dan jika dibicarakan boleh mendatangkan aib kepada tertuduh.

Apakah ciri-ciri konsep umum yang digunapakai oleh Mahkamah dalam membicarakan dan menghakimi kes ini. Sila terangkan dengan ringkas.

(7 markah)